

SPM 2023



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

Modul Intervensi Pembelajaran

PENDIDIKAN ISLAM
(MPAK)

Nama :

Kelas :

DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu



PANEL AKRAM

**SAKINAH BINTI JUSOH
SMK BUKIT TUNGGAL, K NERUS**

**MOHD ZAID BIN YUSUF
SMK RENEK, BESUT**

**FARIDAH BINTI SULONG
SMK JENAGOR, H TRG**

**HASNAH BINTI CHIK
SMK KOMPLEKS GONG BADAQ, K NERUS**

**CHE HANIF BIN CHE MAMAT
SMK KOMPLEKS SEBERANG TAKIR, K NERUS**

**ZAINUN BINTI MAJID
SMK SEBERANG MARANG, MARANG**

FORMAT PENTAKSIRAN PENDIDIKAN ISLAM (MPAK)

Pentaksiran mata pelajaran Pendidikan Islam menggunakan dua instrumen iaitu;

Kertas 1 (1224/1)

Kertas ini berbentuk ujian bertulis

Kertas 2 (12242)


Kertas ini berbentuk Ujian Tilawah dan Hafazan al-Quran
Pentaksiran Pusat dan Tugas Kerja Kursus.

JUMLAH MARKAH & WAJARAN

100 MARKAH

WAJARAN

K1 40% & K2 60%



■ KERTAS 1 ■ KERTAS 2

BIL	PERKARA	KERTAS 1 (1224/1)	KERTAS 2 (1224/2)
1	Jenis Instrumen	Ujian Bertulis	Ujian Tilawah dan Hafazan Al-Qu`an (Pentaksiran Pusat) dan Kerja Kursus (Folio, Buku Skrap, Kajian Kes)
2	Jenis Item	Objektif Pelbagai Bentuk Subjektif Respons Terhad Subjektif Respons Terbuka	Subjektif Respons Terhad Subjektif Respons Terbuka
3	Bilangan Soalan	Bahagian A (20 Markah) 20 Soalan (jawab semua soalan) Bahagian B (20 Markah) 4 Soalan (jawab semua soalan)	Ujian Tilawah dan Hafazan Al-Qur`an Bahagian A- 1 soalan Tilawah (10 markah) Bahagian B - 2 soalan Hafazan (20 markah) Kerja Kursus 1 Tugas (30 markah)
4	Jumlah Markah	40 Markah	60 Markah
5	Konstruk	-Mengingat dan Memahami -Mengaplikasi -Menganalisis -Menilai	-Kemahiran Tilawah Al-Qur`an -Kemahiran Menghafaz -Menganalisis -Menilai
6	Tempoh Ujian	1 jam 30 minit	Mei hingga Julai (Tingkata 5)
7	Cakupan Konteks	Standard Kandungan dan Standard pembelajaran dalam Dokumen Standrad Kurikulum dan pentaksiran (DSKP) KSSM (Tingkatan 4 dan 5)	Ayat Bacaan dan Hafazan Tingkatan 4 dan 5 DSKP KSSM Tingkatan 4 dan 5
8	Aras Kesukaran	Rendah: Sederhana: Tinggi: 5 : 3 : 2	
9	Kaedah Penskoran	Analitik	Holistik
10	Alatan Tambahan	Tiada	

ITEM OBJEKTIF

- Item Objektif ialah item yang memerlukan individu memilih respons daripada senarai yang diberikan atau mengemukakan respons sendiri.

- Oleh sebab evidens diperoleh dengan segera dan seragam maka skor item mampu memberikan maklum balas segera kepada individu tentang perkembangan dirinya.

- Item objektif sesuai digunakan untuk mentaksir pengetahuan, kefahaman, kemahiran intelektual dan kemahiran berfikir.

- Kaedah penskoran ialah senarai semak iaitu hanya melibatkan satu jawapan betul, satu markah untuk jawapan betul dan kosong markah untuk jawapan salah.
- Respons murid adalah bersifat dikotomus.

JENIS ITEM OBJEKTIF

Item yang berbentuk memilih respons

- Aneka pilihan
- Aneka gabungan
- Pernyataan betul/salah
- Benar/palsu
- Penegasan / alasan
- Padanan
- Isi tempat kosong

Item yang berbentuk mengemukakan respons

- Isi tempat kosong
- Objektif bergred

**CONTOH ITEM OBJEKTIF PELBAGAI BENTUK :
MEMILIH JAWAPAN PADA PENYATAAN BETUL/SALAH**

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan tandakan (X) pada pernyataan yang salah dalam petak yang disediakan di hujung setiap pernyataan

- | | | |
|---|--|--------------------------|
| 1 | <u>Iman bermaksud membenarkan dengan hati, mengaku dengan lidah dan mengamalkan dengan perbuatan.</u> | <input type="checkbox"/> |
| 2 | <u>Melakukan kewajipan terhadap Allah SWT sambil lewa adalah faktor iman seseorang itu bertambah.</u> | <input type="checkbox"/> |
| 3 | <u>Binatang ternakan seperti kambing yang mati disembelih dianggap sebagai bangkai dan haram dimakan.</u> | <input type="checkbox"/> |
| 4 | <u>Perbuatan memutuskan kepala binatang adalah antara perkara makruh sembelihan.</u> | <input type="checkbox"/> |
| 5 | <u>Ibadah korban dilakukan selepas solat hari raya Aidiladha pada 9 Zulhijah dan hari tasyrik.</u> | <input type="checkbox"/> |
| 6 | <u>Orang yang melakukan korban disunatkan bercukur dan memotong kuku setelah tiba bulan Zulhijah sehingga selesai berkorban.</u> | <input type="checkbox"/> |

[6 markah]

**CONTOH ITEM OBJEKTIF PELBAGAI BENTUK :
MEMILIH JAWAPAN PADA PENYATAAN BETUL/SALAH**

(b) Tanda (✓) pada pernyataan yang betul dan (✗) pada pernyataan yang salah mengenai masyarakat Arab Jahiliah.

No.	Pernyataan	(✓) atau (✗)
(i)	Kegiatan masyarakat Hadari ialah merompak harta kabilah lain.	
(ii)	Masyarakat Arab Badwi adalah masyarakat yang tinggal di luar bandar.	
(iii)	Agama masyarakat Arab Jahiliah hanya menyembah berhala.	

[3 markah]

**CONTOH ITEM OBJEKTIF PELBAGAI BENTUK :
MEMILIH JAWAPAN YANG DISEDIAKAN DALAM KURUNGAN**

Pilih jawapan yang betul di dalam kurungan.

- 7 Savidina Usamah bin Zaid ra. pernah menyertai perang (Uhud, Khandak) bersama Rasulullah SAW dan para sahabat untuk menentang kafir musyrikin.
- 8 Savidina Salman al-Farisi ra. hidup sehingga zaman pemerintahan Savidina (Uthman bin Affan ra., Ali bin Abi Talib ra.)
- 9 Sikap Ammar yang (berterus terang, berpura-pura) kepada guru bahawa dia meniru dalam peperiksaan wajar dicontohi.
- 10 Ali mengagihkan makanan kepada gelandangan yang berada di bawah jambatan merupakan satu cara (bersyukur, berkhidmat) dengan perbuatan.

[4 markah]

**CONTOH ITEM OBJEKTIF PELBAGAI BENTUK :
MEMILIH JAWAPAN YANG DISEDIAKAN**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan

hikmah	jiwa	sunnah	mahmudah	mazmumah
--------	------	--------	----------	----------

1. Orang yang berakhlak mulia akan beroleh ketenangan _____ dan mendapat rahmat Allah SWT.
2. Orang yang mengamalkan sifat _____ akan mendapat azab yang pedih di akhirat kelak.
3. Iman akan bertambah melalui perlakuan akhlak yang meneladani _____ Rasulullah SAW.

**CONTOH ITEM OBJEKTIF PELBAGAI BENTUK :
MEMILIH JAWAPAN DENGAN PADANAN**

(b) Padankan sejarah ringkas dengan Rasul yang betul bagi pernyataan di bawah.

<u>Sejarah ringkas</u>	<u>Rasul</u>
<u>Baginda seorang rasul dan raja yang bijaksana. Baginda memahami Bahasa binatang, boleh memerintah jin dan angin.</u>	<u>Nabi Nuh a.s.</u>
<u>Baginda sangat kakak, pandai mentadbir mimpi dan bijaksana sehingga baginda dilantik sebagai menteri.</u>	<u>Nabi Ibrahim a.s.</u>
<u>Dilahirkan semasa pemerintahan Raja Namrud yang kufur dan zalim. Sebahagian besar kaumnya menyembah berhala.</u>	<u>Nabi Yusuf a.s.</u>
<u>Baginda berdakwah siang dan malam tetapi kebanyakan umatnya ingkar termasuk isteri dan seorang anaknya. Allah membinasakan mereka dengan banjir besar.</u>	<u>Nabi Sulaiman a.s.</u>

[4 markah]

**CONTOH ITEM OBJEKTIF PELBAGAI BENTUK :
ISI TEMPAT KOSONG DENGAN MENGEMUKAKAN RESPONS**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.


1. Ibadah korban dilakukan pada _____ Zulhijjah dan hari-hari Tasyrik.
2. Hukum daging sembelihan korban _____ disedekahkan kepada fakir miskin.
3. Ibadah _____ dilakukan sebagai tanda kesyukuran kepada Allah SWT kerana dikurniakan zuriat.
4. Saidina Abu Bakar telah diberi gelaran _____ kerana membenarkan peristiwa Israk Mikraj.
5. Saidina Umar al Khattab digelar _____ yang bermaksud orang yang dapat membezakan perkara yang benar dan salah.

[5 markah]

**CONTOH ITEM OBJEKTIF PELBAGAI BENTUK :
ISI TEMPAT KOSONG DENGAN MENGEMUKAKAN RESPONS**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- 5** (a) Lengkapkan jadual di bawah dengan jawapan yang betul.



[3 markah]

ITEM SUBJEKTIF

- Item yang membenarkan subjektiviti dalam respons yang diberikan.

- Item ini digunakan supaya calon boleh mempamerkan kedalaman pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki

- Memberi kebebasan yang agak luas kepada calon dari segi panjang atau pendek respons

- Calon boleh memberikan respons dengan mengemukakan pelbagai jawapan yang bersifat polikotomus

CONTOH ITEM SUBJEKTIF RESPONS TERHAD

BAHAGIAN B

- Orang Islam wajib beriman kepada Rukun Iman.
Apakah maksud iman?
.....
.....
[2 markah]
- Nyatakan **dua** Rukun Iman
 -
 -
 [2 markah]
- Terangkan **dua** akibat tidak beriman kepada Rukun Iman.
 -
 -
 [4 markah]

CONTOH ITEM SUBJEKTIF RESPONS TERBUKA

Khusyuk ialah tunduk dan berasa rendah diri dengan menumpukan fikiran, menenangkan hati dan anggota semasa solat semata-mata kerana Allah SWT.

(e) Huraikan hujah anda mengapa sifat di atas sangat penting dalam ibadah solat.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 *markah*]

MODUL 1

Bahagian A
Jawab **semua** soalan.

Soalan 1 hingga soalan 10

*Tanda (/) pada pernyataan yang **betul** dan tanda (X) pada pernyataan yang **salah** dalam petak yang disediakan di hujung setiap pernyataan.*

1. Kembali kepada Al-Quran dan Hadis apabila terdapat perselisihan pendapat
2. Percaya agama lain lebih baik dari Islam adalah termasuk perkara yang membatalkan Iman.
3. Ijab dan Kabul boleh dilakukan dalam majlis yang berasingan antara pengantin lelaki dan pengantin perempuan.
4. Ramli bekerja di syarikat perjudian untuk menyara kehidupan keluarganya
5. Hanya pemberi rasuah yang dianggap bersalah di sisi undang-undang.
6. Mengatakan hukum agama Islam ketinggalan zaman menyebabkan iman terbatal dari aspek iktikad
7. Saiyidina Abdul Rahman bin Auf merupakan tokoh usahawan Islam yang terkenal di Malaysia
8. Berfikir tentang kebesaran dan keagungan Allah SWT menyebabkan iman seseorang akan bertambah
9. Antara syarat sah sembelihan, penyembelihnya mestilah seorang lelaki dan beragama Islam
10. Antara syarat sah sembelihan, penyembelihnya mestilah seorang lelaki dan beragama Islam

[10 markah]

Soalan 11 hingga soalan 15

11. Percaya agama lain lebih baik daripada agama Islam adalah perkara yang membatalkan iman dari aspek (Iktikad / perkataan / perbuatan).
12. Seseorang yang melakukan satu daripada perkara yang membatalkan iman boleh menjadi (Fasiq / Murad / Muslim).
13. Lelaki perempuan boleh bergaul dengan bebas adalah ajaran (sesat / Islam / teladan).
14. Hukum sembelihan ialah (sunnat / wajib / harus).
15. Alat sembelihan yang tajam syarat sah sembelihan seperti (sembilu / gigi / kuku).

[5 markah]

Soalan 16 hingga 20 ;

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

Keduniaan	pengaruh	ilmu	mengejar	meninggalkan
-----------	----------	------	----------	--------------

16. Punca utama terbatalnya iman seseorang ialah kurang _____ agama terutama dalam soal akidah.
17. _____ rakan – rakan yang jahil terhadap kefahaman syariat agama Islam.
18. _____ hal-hal keduniaan boleh meyebabkan kita tidak terfikir perkara yang berkaitan dengan akidah dan agama.
19. Keibukkan hidup dengan urusan _____ menyebabkan seseorang itu lupa pentingnya belajar akidah.
20. Punca rosaknya akidah juga adalah seseorang yang gemar _____ Fardhu ain dan fardhu kifayah.

Bahagian B
[20 Markah]

Jawab **semua** soalan

1.(a)

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ
بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا أَيُحِبُّ
أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ
تَوَّابٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢﴾

Surah al-Hujurat : 12

(a) Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah melarang umat manusia melakukan larangannya.
Berdasarkan ayat di atas,

(i) Nyatakan **dua** larangan Allah yang terdapat dalam ayat di atas.

i.....

ii.....

(2markah)

b) Jelaskan kesan melakukan perbuatan tersebut.

.....

.....

(1markah)

(c) Berikan pengajaran daripada ayat diatas.

.....

.....

(2markah)

2.(a) Iman seseorang akan bertambah apabila melakukan kebaikan dan taat perintah Allah

Nyatakan maksud iman :

(2 markah)

(b) Jelaskan **dua** kepentingan iman sebagai jati diri muslim .

1.-----

2.-----

(2 markah)

3.(a) Sembelihan ialah menghilangkan nyawa binatang daratan yang halal dimakan dengan memutuskan urat halkum dan urat merik menggunakan alat yang tajam berserta niat kerana Allah.

i) Apakah hukum sembelihan .

(1 markah)

ii) Senaraikan dua rukun sembelihan

1. -----

2. -----

(2 markah)

b) Nyatakan dua hikmah sembelihan dalam Islam .

1.-----

2.-----

4 a) Jujur merupakan salah satu akhlak yang sangat dituntut dalam pergaulan Islam.

i) Jelaskan **dua** kesan jika sifat jujur tidak diamalkan kehidupan.

(2markah)

b) Sayidina Usamah bin Zaid merupakan salah seorang sahabat yang mempunyai semangat juang yang tinggi.

i) Tuliskan riwayat hidup Sayidina Usamah bin Zaid

(2markah)

ii. Jelaskan pengajaran yang boleh diambil daripada keunggulan sayidina Usamah bin Zaid.

(1markah)

BAHAGIAN A

Soalan 1 . (Suaikan kalimah ayat dengan maksudnya)

a)

الظَّنَّ *

*

paling bertakwa

أَتَقَاكُمْ *

*

sangkaan

شُعُوبًا *

*

Pelbagai bangsa

*

*

b) Berdasarkan ayat kefahaman (Surah Al Hujurat: 12-13). Tandakan (✓) atau (✗) pada pernyataan berikut;

i) Mengumpat itu apabila membuat tanggapan yang tidak baik pada seseorang

ii) Antara perkara yang dilarang oleh Allah dalam ayat di atas ialah sering mencari kesalahan orang lain.

iii) Allah menjadikan manusia berpuak-puak untuk saling berkenalan dan menjalin hubungan silaturahim.

iv) Sebagai warganegara kita mestilah mementingkan pembangunan kaum masing-masing .

BAHAGIAN B

Jawab **SEMUA** Soalan

1 (a) (i) Bekerja merupakan satu ibadah dan sangat digalakan dalam Islam.
Berikan pengertian ushawan dengan lengkap

.....

.....

.....

[2 markah]

(ii) Tuliskan dua contoh pekerjaan berdasarkan rajah di bawah;

Bekerja sendiri	Bekerja makan gaji

[4 markah]

(b) (i) Pelajar yang tidak mempunyai iman akan mudah terdorong kepada perkara negatif.

Jelaskan **tiga** akibat tersebut kepada diri pelajar.

1.
2.
3.

[3 markah]

2 (a) (i) *Menyembelih haiwan untuk makan daging yang halal amatlah dituntut dalam Islam.*
Jelaskan maksud sembelihan dengan lengkap.

.....

.....

[2 markah]

(ii) Apakah hukum memakan haiwan yang mati tanpa disembelih ?

.....

(1 markah)

(iii) Terdapat alat-alat yang dilarang ketika melakukan sembelihan haiwan.

Nyatakan **dua** alat tersebut;

1.

2.

[2 markah]

Soalan 2 (b) Memakan daging yang halal dan bersih amat dituntut dalam Islam .

(b) Nyatakan nama urat yang wajib diputuskan semasa sembelihan dilakukan.

1.

2.

[2 markah]

Soalan 3.

Sayidina Usamah bin Zaid r.a. adalah seorang yang bersemangat juang yang tinggi, berusaha untuk menyertai peperangan walaupun pada usia yang masih muda.

(a) Tuliskan 2 riwayat hidup Sayidina Usamah bin Zaid r.a .

.....

.....

[2 markah]

(b) Ibumbapa Sayidina Usamah Bin Zaid, mempunyai hubungan yang erat dengan baginda Nabi Muhammad SAW. Senaraikan **dua** hubungan tersebut.

1.

2.

[2 markah]

(c) Sifat jujur merupakan salah satu akhlak terpuji yang dipandang mulia disisi agama Islam.

i. Senaraikan dua sifat jujur yang boleh diamalkan oleh pelajar sekolah

1.....

2.

(2markah)

ii. *Anda sering melihat sikap tidak amanah rakan anda, tidak membayar harga makanan ketika membeli makanan dikantin sekolah.*

Ramalkan kesanya jika anda terus membiarkan sikap rakan anda tersebut.

.....

.....

[4 markah]

MODUL 2

Bahagian A
Jawab **semua** soalan.

Soalan 1 hingga soalan 10

*Tanda (/) pada pernyataan yang **betul** dan tanda (X) pada pernyataan yang **salah** dalam petak yang disediakan di hujung setiap pernyataan.*

1. Kita hendaklah menunjukkan contoh dan teladan yang baik supaya imej agama Islam sentiasa terjaga.
2. Hukum melakukan ibadat akikah setelah mendapat cahayamata adalah Sunat Muakkad.
3. Ibadat Sai'e ialah mengelilingi kaabah sebanyak tujuh pusingan bermula dan berakhir pada sudut Hajarul aswad.
4. Kita hendaklah menjauhi sikap bersangka buruk dalam pergaulan untuk mengelakkan terjadinya fitnah
5. Antara ciri-ciri usahawan yang mulia di sisi Islam adalah bersifat tamak untuk maju.
6. Orang yang mempunyai iman yang kuat akan mudah terjebak dengan ajaran sesat dan maksiat.
7. Menyatakan hukum agama Islam ketinggalan zaman adalah salah satu perkara yang membatalkan iman.
8. Antara salah satu rukun ibadat Umrah ialah Wukuf di padang Arafah.
9. Sihat tubuh badan merupakan salah satu maksud Istita'ah (berkemampuan) dalam ibadat Haji
10. Maksud Haji ialah mengunjungi Baitullah di Mekah pada bila-bila masa untuk mengerjakan Ibadat tertentu mengikut syarat-syaratnya.

[10 markah]

Soalan 11 hingga soalan 15

- 11. Menghadap arah kiblat adalah perkara (wajib / sunat / makruh) sembelihan.
- 12. Tidak membaca basmallah (makruh / tidak sah / wajib) dalam sembelihan.
- 13. Membolehkan binatang halal dimakan adalah (hikmat / syarat sah / perkara sunat) sembelihan.
- 14. Penyembelihan, alat sembelihan dan binatang yang disembelih merupakan (Rukun / Syarat sah / Hikmat) sembelihan.
- 15. Berakhlak jujur ialah bersikap (amanah / menipu / manipulasi).

[5 markah]

Soalan 16 hingga 20 ;

Suaikan soalan berikut dengan jawapan yang tetap

16. menyembah berhala	17..Menganut agama kristian	18. Mengata semua agama adalah sama	19.Percaya alam ini tiada pencpta	20.Tidak percaya rukun Islam dan iman
-----------------------	-----------------------------	-------------------------------------	-----------------------------------	---------------------------------------

iktikad

Perkataan

perbuatan

Bahagian B

Jawab **semua** soalan

1 Sabda Nabi SAW:

عَنْ رَافِعِ بْنِ خَدِيجٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قِيلَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَيُّ الْكَسْبِ أَطْيَبُ؟
 قَالَ: عَمَلُ الرَّجُلِ بِيَدِهِ، وَكُلُّ بَيْعٍ مَبْرُورٍ

(Riwayat Ahmad)

Maksud hadis:

Daripada Rafi' bin Khadij r.a, beliau berkata: Rasulullah SAW ditanya: “apakah pekerjaan yang paling baik?”jawab baginda SAW, “usaha seseorang dengan tangannya dan semua jenis jual beli yang baik”.

(a) Hadis di atas menjelaskan berkaitan dengan pekerjaan yang paling mulia iaitu usahawan atau peniaga.
 Nyatakan **dua** ciri usahawan muslim.

(i)

(ii.)

[2 markah]

(b) Nyatakan **dua** tokoh usahawan pada zaman Rasulullah SAW.

(i)

(ii.)

[2 markah]

(c) Jelaskan kepentingan menjadi usahawan muslim

.....

[1 markah]

2.(a) Batalnya iman seseorang itu apabila dia mengingkari rukun iman sama ada melalui iktikad,perkataan ataupun perbuatan.

(i) Nyatakan **tiga** contoh perkara yang boleh membatalkan iman dari aspek perbuatan

- 1.-----
- 2.-----
- 3.-----

(3 markah)

(b) Jelaskan **dua** akibat melakukan perkara yang membatalkan iman .

- 1.-----
- 2.-----

(2 markah)

3.(a) Hukum korban ialah sunat muakad terhadap umat Islam

(i) Nyatakan maksud korban.

-
-

(2 markah)

(ii) Nyatakan **dua** syarat sah korban .

- 1.-----
- 2.-----

(2 markah)

b) Penyembelihan binatang al-an' am sempena kelahiran bayi sebagai tanda kesyukuran kepada Allah.

Jelaskan hikmah ibadat akikah dalam Islam

-
-

(2 markah)

4(a) **Maksud Firman Allah SWT;**

*“ Sesungguhnya jika kamu bersyukur nescaya aku tambahkan nikmatKu kepadamu...”
(Surah Ibrahim: 7)*

i. Jelaskan maksud bersyukur dengan lengkap.

(2markah)

ii. Jika anda tergolong dalam kalangan orang kaya, bagaimanakah cara anda menjadi hamba yang bersyukur?

(2markah)

b). Sayidina Salman al Farisi merupakan tokoh sahabat yang mempunyai idea dan pemikiran yang cerdas.

i. Jelaskan jasa dan sumbangan sayidina Salman alFarisi sejarah Islam

(1markah)

ii. Daripada kisah sayidina Salman al-Farisi, huraikan sumbangan yang boleh anda lakukan dalam memartabatkan dakwah Islam

(1markah)

Bahagian A

Jawab **semua** soalan.

*Tanda (/) pada pernyataan yang **betul** dan tanda (x) pada pernyataan yang **salah** dalam petak yang disediakan di hujung setiap pernyataan.*

1. Berterusan melakukan dosa kecil tidak menyebabkan ianya menjadi dosa besar.
2. Sikap tidak mementingkan diri sendiri sangat penting dalam kehidupan masyarakat berbilang kaum.
3. Percaya alam ini tiada pencipta adalah perkara yang membatalkan iman dari sudut perbuatan.
4. Salah satu kategori bersyukur ialah bersyukur dengan hati
5. Minum arak dan menagih dadah ialah satu satu daripada contoh dosa- dosa besar .
6. Ijab dan kabul adalah salah satu daripada rukun jual beli.
7. Peminjam tidak perlu merekodkan jumlah dan masa pinjaman yang dilakukan.
8. 'Saudagar kaya dijamin syurga' adalah gelaran yan diberikan kepada Abdul rahman bin Auf.
9. Wukuf di Arafah adalah merupakan salah satu daripada rukun Umrah.
- 10 Umat Islam digalakkan membuat perkara-perkara makruf dalam kehidupan mereka seharian.

[10 markah]

Gariskan jawapan yang **betul** di dalam kurungan bagi melengkapkan pernyataan.

11. Semua manusia adalah sama menurut Islam. Manusia yang terbaik adalah yang lebih _____
(bertakwa / jujur/ berpengaruh)
12. Orang yang _____ (fasik/ beriman/ murtad) segala amalan kebajikan dan ibadahnya tidak diterima Allah SWT.
13. (Sa'ie / Bertalbiah / Tawaf) _____ ialah perkara sunat selepas berniat Ihram.
14. Meninggalkan perkara rukun dalam ibadah haji dan umrah menyebabkan ibadah haji dan umrah seseorang _____ (tidak sah/ makruh/ mabrur).
15. Allah SWT. memerintahkan agar kita sentiasa berlaku _____ (keji/ baik/ adil) dan melakukan kebaikan sesama manusia.
16. Rasuah tidak mendatangkan _____ (kebaikan/ kepujian/ kerosakan) bahkan memberikan impak yang negatif dalam kehidupan manusia.
17. Dosa kecil ialah kesalahan yang tidak diberikan peruntukkan _____ (jaminan/ hukuman/ keadilan) yang tertentu di dunia atau amaran azab di akhirat.
18. _____ (Jual beli / Gadaian/ Pinjaman) bermaksud sesuatu barang yang diberikan diberikan kepada seseorang dan perlu dikembalikan.
19. _____ (manipulasi / monopoli/ riba) adalah perbuatan menyimpan barang dalam masa tertentu untuk dijual apabila ada peningkatan harga.
20. Mudah berkawan dan bergaul dengan orang yang lebih rendah kedudukan adalah ciri-ciri orang yang _____ (tawadduk/ ikhlas/ jujur).

[10 markah]

Soalan 21-28. Isi tempat **kosong** dengan pilihan jawapan yang diberi.

fahsya'	Bani Zuhrah	melakukan kezaliman	kepala	dosa besar
akad	taklik	dosa kecil	memberi sedekah	muka

- 21. Menutup adalah perkara larangan dalam ihram haji bagi orang perempuan.
- 22. Segala ucapan dan perbuatan yang buruk dipanggil
- 23. Ijab dan kabul juga disebut sebagai jual beli.
- 24. Kesalahan yang dikenakan balasan tertentu di dunia dan amaran azab yang pedih di akhirat dipanggil
- 25. Abd. Rahman bin. Auf adalah keturunan
- 26. Maksud jual beli bersyarat dinamakan juga sebagai jual beli

Berdasarkan rajah di bawah. Lengkapkan contoh iman bertambah dan berkurang

Iman bertambah	Iman berkurang
27.	28.

(8 markah]

Bahagian B
Jawab **semua** soalan.

1 (a) Kita diperintahkan supaya tolong-menolong dalam perkara kebaikan dan bukanya tolong-menolong dalam perkara yang mendatangkan dosa.
i . Berikan pengertian dosa ?

.....
.....

[2 markah]

ii. Jelaskan **dua** cara menghindarkan diri daripada dosa ?

1
2

[2 markah]

iii. Jelaskan bagaimana dosa kecil boleh menjadi dosa besar ?

.....

[2 markah]

(b) Bertaubat daripada dosa adalah wajib.

i.) Berikan maksud taubat ?

.....
.....

[2 markah]

ii.) Taubat perlu dilakukan secara bersungguh-sungguh dan memenuhi syarat-syaratnya.
Sebutkan **tiga** daripada syarat-syarat taubat.

1
2
3

[3 markah]

c). Ali menyesali perbuatan dosanya yang lalu dan ingin bertaubat. Sebagai pembimbing rakan sebaya, bagaimanakah anda dapat membantu Ali supaya kembali taat kepada Allah swt ?

.....
.....

[2markah]

2 (a) Jualbeli merupakan salah satu muamalah yang diharuskan dalam ekonomi Islam.

i) Jelaskan maksud jualbeli dengan lengkap.

.....
.....

[2 markah]

ii) Nyatakan hukum jualbeli yang melibatkan riba.

.....
[1 markah]

iii) Jelaskan **dua** syarat sah jualbeli dari aspek barang jualan.

1
2.
[4 markah]

b) Islam mengharuskan muamalat pinjam meminjam untuk saling bantu membantu antara satu sama lain.


i) Nyatakan hukum memulangkan semula barang pinjaman kepada pemberi pinjaman

.....
[1 markah]

ii) Urusan pinjam-meminjam memberi banyak kelebihan kepada sesama manusia.
Jelaskn **dua** kelebihan tersebut

1
2
[2markah]

(c)



Maksudnya:

Dan sempurnakanlah ibadat haji dan umrah kerana Allah.

(Surah al-Baqarah 2:196)

i) Untuk melaksanakan ibadat haji atau umrah seseorang disyaratkan berkemampuan. Senaraikan **tiga** syarat kemampuan tersebut.


- 1
- 2
- 3.....

[3 markah]

ii) Berdasarkan gambar di bawah tuliskan perkara rukun haji.



A



b)

[2 markah]

3 (a) “ Sifat tawaduk merupakan sifat yang mulia di sisi Allah SWT “

i) Nyatakan **dua** tanda seseorang itu bersifat tawaduk

- 1
- 2

[2 markah]

- ii) En Halim seorang yang berharta dan berpangkat tinggi dalam masyarakat.
Terangkan bagaimana En.Halim dapat mengamalkan sifat tawaduk dalam pergaulannya dengan orang ramai.

.....
.....

[2 markah]

- (b) Sikap berterima kasih apabila menerima sesuatu nikmat, adalah amalan mulia.

- i) Nyatakan **dua** contoh sifat syukur dalam diri seorang pelajar

1

2.....

[2 markah]

- c) Sayidina Abdul Rahman bin Auf r.a. adalah seorang tokoh sahabat jutawan yang banyak berkorban untuk dakwah Islam.

- i) Tuliskan **dua** sifat peribadi saidina Abdul Rahman bin Auf.

1

2.....

[2 markah]

- ii) Terangkan **dua** iktibar (pengajaran) yang boleh diambil daripada kisah tokoh Abdul Rahman bin Auf

1

2

[2 markah]

MODUL 3

Bahagian A
Jawab **semua** soalan.

Soalan 1 hingga soalan 10

*Tanda (/) pada pernyataan yang **betul** dan tanda (X) pada pernyataan yang **salah** dalam petak yang disediakan di hujung setiap pernyataan.*

1. Saidina Salman al-Farisi dilahirkan di kota Makkah al-Mukarramah.
2. Maksud "Ihsan" ialah beribadat kepada Allah SWT seolah-olah kita akan mati esok hari.
3. Orang yang bersyukur akan ditambahkan nikmat dan rezeki oleh Allah SWT.
4. Amalan rasuah ialah dosa kecil dan tidak dianggap perbuatan keji di sisi Islam.
5. Samad meninggalkan solat fardu kerana percaya solat tidak memberikan apa-apa kesan kepadanya.
6. Salah satu syarat sah jual beli ialah barang jualan mestilah milik sempurna penjual.
7. Amran mempunyai sifat tawadduk kerana sentiasa mendengar nasihat guru dan rakan.
8. Antara hikmah perkahwinan adalah untuk mententeramkan jiwa dan perasaan.
9. Sentiasa melakukan amal kebaikan sesama manusia adalah salah satu cara bersyukur dengan perbuatan.
10. Antara ciri pekerjaan yang halal adalah terlepas daripada unsur-unsur haram dan keji.

[10 markah]

Soalan 11 hingga soalan 15

11. Sayidina Usamah Bin Zaid r.a menyertai perang (Khandak/ Hunain / Mu'tah) pada usia 15 tahun.
12. Kita hendaklah sedar bahawa generasi muda ialah kekuatan yang paling (berharga / berhemah / bertanggungjawab) kepada negara.
13. Berakhlak tidak jujur merupakan ciri-ciri (munafik/ fasiq / musyrik).
14. Sengaja lewat ke sekolah adalah amalan (tidak jujur / biasa / baik).
15. Berterima kasih kepada Allah dan tidak menggunakan nikmat untuk melakukan maksiat ialah pengertian (syukur / qanaah /adil).

[5 markah]

Soalan 16 hingga 20 ;


*Tandakan (**Dosa Besar!**) atau (**Dosa kecil**) pada pernyataan di bawah*

16. Bermasam muka dengan jiran _____
17. Berkata “ **Uhh**” dengan ibu bapa dan orang tua _____
18. Membuang masa dengan melepak di kafe _____
19. Minum sedikit minuman keras _____
20. Melihat aurat bukan mahram _____

Bahagian B
[20 Markah]

Jawab **semua** soalan

1. Firman Allah SWT:



Maksud ayat:

Sesungguhnya Allah SWT menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan serta memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada melakukan perbuatan keji dan mungkar serta kezaliman. Dia mengajar kamu supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya.

(a) Ayat di atas menjelaskan tentang suruhan Allah SWT menunaikan hak terhadap kaum kerabat. Nyatakan **dua** contoh kaum kerabat.

- (i)
- (ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan **dua** hak terhadap kaum kerabat.

- (i)
- (ii)

[2 markah]

(c) Jelaskan hikmah berbuat baik kepada kaum kerabat.

- (i)
- (ii)

[1 markah]

2. (a) Dosa ialah balasan buruk yang diberikan oleh Allah SWT kepada manusia kerana mengingkari suruhan-Nya atau melakukan larangan-Nya.

Nyatakan pembahagian dosa:

1. -----

2.-----

(2 markah)

(b) Jelaskan **dua** cara menghindarkan diri daripada dosa

1. -----

2.-----

(2 markah)

3.(a) i. Apakah maksud jual beli

(2 markah)

ii. Senaraikan **dua** rukun jual beli

1.-----

2.-----

(2 markah)

b) Dewasa ini e- dagang telah menjadi budaya dalam kalangan masyarakat .
Bagaimanakah cara anda memanfaatkan e- dagang bagi mengembangkan ekonomi umat Islam .

(1 markah)

4.(a) Berdasarkan kisah hidup Sayidina Abdul Rahman bin Auf.

(i).Nyatakan **dua** sifat peribadi sayidina Abdul Rahman yang boleh anda contohi.

1.-----

2.-----

(2markah)

(ii) Jelaskan pengajaran yang boleh anda ambil daripada kisah keunggulan tokoh sayidina Abdul Rahman bin Auf

(1markah)

(b) Sifat tawaduk merupakan salah satu sifat yang mulia di sisi Islam.

(i) Jelaskan **satu** sifat tawaduk yang boleh anda amalkan dalam pergaulan sesama ahli masyarakat.

(1markah)

(ii) Mereka yang mengamalkan sifat tawaduk akan diberi kelebihan di sisi Islam. Nyatakan **dua** kelebihan tersebut.

(2markah)

Bahagian A

Jawab **semua** soalan.

*Tanda (/) pada pernyataan yang **betul** dan tanda (X) pada pernyataan yang **salah** dalam petak yang disediakan di hujung setiap pernyataan.*

1. Kita hendaklah menjauhkan sikap bersangka buruk dalam pergaulan untuk mengelakkan terjadinya fitnah.
2. Antara ciri usahawan yang mulia termasuklah bersifat tamak untuk maju.
3. Amalan rasuah ialah dosa kecil dan tidak dianggap perbuatan keji dalam Islam.
4. Menyatakan hukum agama Islam ketinggalan zaman adalah salah satu perkara yang membatalkan iman.
5. Maksud haji ialah mengunjungi Baitullah di Mekah pada bila-bila masa untuk mengerjakan ibadah mengikut syaratnya.
6. Antara hikmah perkahwinan adalah untuk mententeramkan jiwa dan perasaan.
7. Sayidina Salman al-Farisi dilahirkan di Kota Mekah al-Mukarramah.
8. Sentiasa melakukan amal kebaikan sesama manusia adalah salah satu cara bersyukur dengan perbuatan.
9. Antara ciri pekerjaan yang halal adalah terlepas daripada unsur-unsur haram dan keji.
10. Maksud "Ihsan" ialah beribadat kepada Allah SWT seolah-olah kita akan mati esok hari.

[10 markah]

Gariskan jawapan yang **betul** di dalam kurungan bagi melengkapkan pernyataan.

11. Sikap _____ (sombong / toleransi / sabar) sangat penting dalam kehidupan masyarakat pelbagai kaum.
12. Mengatakan semua agama adalah sama termasuk perkara yang membatalkan iman dari aspek _____ (iktikad / perbuatan / perkataan).
13. Perbezaan antara rukun haji dengan rukun umrah ialah _____ (wukuf / saie / bercukur)
14. Lukman selalu menderma kepada orang yang susah adalah salah satu cara bersyukur dengan _____ (hati / lisan / perbuatan).
15. Meninggalkan puasa dan enggan menunaikan solat adalah termasuk dalam perbuatan (mungkar / makruh /mulia).
16. Amalan rasuah ialah _____ (dosa kecil / dosa besar / dosa pertengahan) disisi agama Islam.
17. Orang yang hidup bersemuka secara langsung dengan Rasulullah SAW semasa hayat baginda dikenali sebagai _____ (tabiin / sahabat / ahli sunnah).
18. Hukum orang yang berkeinginan berkahwin tetapi tidak mampu memberi nafkah zahir adalah (sunat / harus / makruh /).
19. Suami menceraikan isteri dengan talak satu atau dua dinamakan _____ (talak bain / talak raj'i / talak sunni).
20. Di antara ciri-ciri ihsan dalam pekerjaan ialah _____ (kerja dengan amanah / melawan arahan majikan / bekerja sambal lewa).

[10 markah]

Isi tempat **kosong** dengan pilihan jawapan yang diberi.

Perkataan	manfaat	Saie	Muazzin	Keadilan
Makani	adab	Makruh	Khandak	Ihsan

21. _____ ialah berjalan ulang alik di antara Bukit Safa ke Bukit Marwah sebanyak tujuh kali.
22. Miqat _____ ialah ketentuan tempat untuk seseorang berniat ihram haji.
23. Menghina Rasulullah SAW adalah salah satu perkara yang membatalkan iman dari sudut _____.
24. Salman al-Farisi merupakan sahabat nabi yang mencadangkan untuk menggali parit semasa perang _____.
25. Rasuah tidak mendatangkan _____ bahkan memberi impak yang negatif dalam kehidupan manusia.
26. Antara kesan buruk rasuah termasuklah meruntuhkan _____ dalam sesebuah negara.
27. Menjaga pandangan daripada melihat aurat adalah salah satu _____ pergaulan dalam Islam.
28. Menceraikan isteri tanpa sebab atau isteri yang solehah adalah _____.
29. Bilal bin Rabah merupakan _____ pertama dalam Islam.
30. Bekerja sebagai satu ibadah dan bersungguh-sungguh adalah ciri- ciri _____.

[10 markah]

Bahagian B

Jawab **semua** soalan.

Rasulullah SAW bersabda:
 “ Golongan Yahudi berpecah kepada 71 atau 72 golongan dan golongan Nasrani pula berpecah kepada 71 atau 72 golongan juga dan umatku akan berpecah kepada 73 golongan ” (Riwayat Abu Daud)

1(a) Berdasarkan hadis di atas,

i) Nyatakan pengertian Ahli Sunnah Waljamaah ?

.....

[2 markah]

ii) Jelaskan **tiga** cara kita hendak mengenali Ahli Sunnah Waljamaah ?

.....

[3 markah]

(b) Ajaran sesat ialah sesuatu ilmu yang diajar dan disebarkan secara rahsia mahupun secara terang-terangan kepada orang lain yang menyimpang daripada Ahli Sunnah Waljamaah.

i) Senaraikan **dua** golongan yang bertentangan dengan Ahli Sunnah Waljamaah.

.....

[2 markah]

ii) Terangkan **dua** kepentingan berpegang teguh dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah.

.....

[4 markah]

(c) ` media massa banyak memaparkan berita masyarakat terlibat dengan amalan yang merosakan iman `

Terangkan dua langkah untuk menghindarkan diri daripada terjebak dengan amalan yang membatalkan iman .

.....
.....
.....

[4 markah]

2 . Salah satu perkara wajib haji ialah melakukan ibadat bermalam di Mina.

a) i) Berikan **dua** perkara wajib haji selain daripada yang dinyatakan di atas.

.

.....

.....

[2 markah]

ii) Hukum mengerjakan haji tanpa melakukan ibadat melontar di tiga-tiga jamrah.

.....

[1 markah]

iii) Selepas berniat ihram terdapat beberapa larangan ihram kepada lelaki dan perempuan. Nyatakan **satu** larangan ihram khusus kepada lelaki dan khusus kepada perempuan.

.....

.....

[2 markah]

(b) Islam menggalakan ikatan perkahwinan untuk memelihara keturunan yang halal di sisi syarak.

i) Senaraikan **tiga** rukun perkahwinan selain daripada bakal suami dan isteri.

.....

.....

[3 markah]

ii) Islam telah menetapkan batas-batas tertentu dalam pergaulan yang berlainan jantina.

Mengapakah Islam menetapkan batas-batas tertentu dalam pergaulan antara lelaki dan perempuan?

.....

.....

[2markah]

Talak merupakan jalan penyelesaian terakhir dalam hubungan pasangan suami dan isteri

(c)

i) Huraikan maksud talak dengan lengkap.

.....
[2markah]

ii) Berlakunya lafaz talak memberi kesan dalam pelbagai aspek kehidupan. Jelaskan **dua** kesan tersebut kepada masyarakat Islam.

.....
.....
[2markah]

(iii) Iddah merupakan tempoh larangan berkahwin bagi isteri yang bercerai hidup atau kematian suami. Nyatakan tempoh iddah bagi status isteri yang hamil.

.....
[1 markah]

3(a) Mencari rezeki yang halal bermaksud usaha untuk mendapatkan sumber penghidupan yang menepati kehendak Islam.

i) Nyatakan **dua** ciri pekerjaan yang halal menurut pandangan Islam.

.....
.....
[2markah]

ii) Terdapat sebahagian pekerja yang melakukan kesalahan seperti curi tulang semasa bekerja. Berikan pandangan anda terhadap situasi tersebut.

.....
.....
[2markah]

b) Jujur ialah keselarasan antara hati,ucapan dan perbuatan yang dilakukan kerana Allah. Nyatakan **dua** contoh pelajar yang memiliki sifat tersebut.

.....
.....
[2markah]

MODUL 4

Bahagian A
Jawab **semua** soalan.

Soalan 1 hingga soalan 10

*Tanda (/) pada pernyataan yang **betul** dan tanda (X) pada pernyataan yang **salah** dalam petak yang disediakan di hujung setiap pernyataan.*

1. Antara perkara rukun dalam urusan jual beli ialah lafaz ijab dan qabul atau disebut akad jual beli.
2. Surah al-Mulk tergolong sebagai surah Makkiyah dan terdiri daripada 30 ayat.
3. Hussain menjual najis kambing untuk mendapatkan duit perbelanjaan harian keluarga mereka. Hukumnya adalah makruh.
4. Sentiasa mengucapkan Alhamdulillah ketika menerima nikmat adalah cara bersyukur dengan hati
5. Peminjam tidak perlu merekodkan jumlah dan masa pinjaman yang dilakukan.
6. Jual beli bermaksud pertukaran sesuatu barang dengan barang mengikut cara-cara yang tertentu.
7. Maksud Iddah ialah tempoh larangan berkahwin yang mesti dipatuhi oleh isteri selepas bercerai.
8. “Aku ceraikan engkau” atau “Aku talakkan engkau” adalah contoh lafaz kinayah dalam masalah talak.
9. Saidina Usamah bin Zaid RA. Merupakan anak angkat dan sahabat yang sangat disayangi oleh Nabi Muhammad SAW.
10. Minum arak dan menagih dadah adalah salah satu daripada contoh dosa-dosa besar.

[10 markah]

Soalan 11 hingga soalan 15

11 Sengaja lewat ke sekolah adalah amalan (tidak jujur / biasa / baik).

12 .Berterima kasih kepada Allah dan tidak menggunakan nikmat untuk melakukan maksiat ialah pengertian (syukur / qanaah /adil).

13 .Jujur ialah keselarasan antara hati, ucapan dan perbuatan yang dilakukan kerana (diri sendiri / negara / Allah s.w.t)

14 . Bermalam di Mina (perkara wajib Haji / perkara wajib Umrah / Rukun Haji).

15 . Bercakap ketika tawaf (makruh / haram / harus) dalam ibadat haji dan umrah.

[5 markah]

Soalan 16 hingga 20 ;

Isikan tempat kosong berkaitan dengan Rukun Taubat berikut.

Melakukan	berazam	Mengembalikan	Menyesal
-----------	---------	---------------	----------

1. ----- akan perbuatan yang dilakukan.

2. Berhenti_____ perbuatan maksiat.

3. _____tidak akan melakukannya


4. ._____tidak akan melakukannya lagi

5. Memohon maaf dan _____hak orang lain.

Bahagian B
[20 Markah]

Jawab **semua** soalan

Sabda Rasulullah SAW:



Maksudnya:

Daripada Abdullah bin Amru r.a berkata: “ Rasulullah SAW melaknat pemberi dan penerima rasuah.”

(a) Nyatakan erti rasuah.

.....
.....

[1 markah]

(b) Nyatakan **dua** nama lain bagi rasuah

(i).....

(ii).....

[2 markah]

(c) Jelaskan keburukan perbuatan rasuah.

.....

[1 markah]

(d) Jelaskan faktor gejala rasuah semakin berleluasa di kalangan masyarakat.

.....

[1 markah]

2.(a) Taubat ialah pembersihan dan penyucian hati daripada dosa atau kembali mentaati Allah SWT setelah menyesal kerana mengingkari perintah atau laranganNya.

Nyatakan **tiga** syarat taubat :

1. _____

2. _____

3. _____

(3 markah)

(b) Razman menyesali perbuatan dosanya yang lalu dan ingin bertaubat .

Sebagai rakan baik bagaimanakah anda dapat membantu Razman supaya Kembali taat kepada Allah.

(2 markah)

3(a) Pinjaman ialah barang atau wang yang diberikan kepada seseorang untuk sementara waktu dan perlu dikembalikan .

(i) Senarai **dua** rukun pinjaman dalam Islam.

1. _____

2. _____

(2 markah)

(ii). Jelaskan **dua** tanggungjawab peminjam dalam Islam .

1. _____

2. _____

(2 markah)

(b) Maksud hadis :

Daripada Jabir bin Abdullah r.a berkata : Rasulullah SAW melaknat penerima dan,pemberi riba ,pencatat dan dua orang saksi dan Baginda SAW bersabda :” mereka semuanya adalah sama dalam melakukan dosa “

(Riwayat muslim)

Kemukakan pandangan anda terhadap aktiviti meminjam daripada “along “ dalam kalangan masyarakat.

(2 markah)

4(a) Sayidina Bilal bin Rabah merupakan antara sepuluh sahabat terawal yang memeluk Islam.

i. Apakah gelaran yang diberikan kepada sayidina Bilal bin Rabah.

(1markah)

ii. Berdasarkan kisah keunggulan tokoh sayidina Bilal bin Rabah, bagaimanakah pengorbanan yang boleh anda lakukan untuk berjaya dalam bidang pelajaran.

(1markah)

b). *Maksud Firman Allah SWT;*

“Wahai manusia makanlah daripada yang ada di bumi lagi yang halal lagi baik.....”

(Surah al- Baqarah : 168)

i. Berdasarkan maksud Firman Allah SWT di atas,jelaskan maksud mencari rezeki yang halal dengan lengkap

(2markah)

ii. Terdapat segelintir pekerja yang melakukan kesalahan seperti melayari hiburan di laman sesawang ketika bekerja. Berikan pandangan anda terhadap situasi tersebut.

(2markah)

Bahagian A

